

## **SOALAN-SOALAN LAZIM TENTANG PERUBAHAN KONSEP SYARIAH DARIPADA WADI'AH YAD DHAMANAH KEPADA TAWARRUQ**

**1. Apakah perubahan yang dilakukan?**

Bank mengubah konsep Syariah bagi akaun deposit daripada *Wadi'ah yad Dhamanah* (Simpan dengan selamat) kepada *Tawarruq* (penyusunan yang melibatkan dua atau berbilang transaksi jual beli) bagi akaun-akaun yang tersenarai dalam Lampiran 1.

**2. Mengapakah perubahan ini perlu dilakukan?**

Ini adalah selaras dengan usaha Bank supaya tetap relevan dan kekal sebagai rakan perbankan anda.

**3. Apakah konsep *Tawarruq*?**

*Tawarruq* adalah suatu penyusunan yang melibatkan dua (atau berbilang) perjanjian jual beli. Yang pertama adalah penjualan sesuatu aset oleh penjual kepada pembeli atas dasar tertangguh. Kemudiannya, pihak pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga atas dasar tunai dan lani (serta-merta).

**4. Apakah kesan perubahan ini terhadap pelanggan?**

Pelanggan tidak akan terjejas secara langsung dengan perubahan ini kerana tidak berlaku perubahan kepada nombor akaun sedia ada dan baki deposit di samping tiada caj tambahan akan dikenakan ke atas pelanggan.

**5. Bilakah perubahan ini akan berlaku?**

Perubahan konsep dasar daripada *Wadi'ah yad Dhamanah* (Simpan dengan selamat) kepada *Tawarruq* (penyusunan yang melibatkan dua atau berbilang transaksi jual beli) bagi akaun-akaun yang terlibat akan berlaku pada 25 Julai 2018.

**6. Adakah Pelanggan dikehendaki menandatangani kontrak baharu dengan Bank?**

Pelanggan tidak perlu menandatangani kontrak baharu dengan Bank ekoran perubahan ini.

**7. Adakah Pelanggan boleh mengendalikan akaun mereka seperti biasa?**

Ya, segala kemudahan penyimpanan, pengeluaran dan pemindahan akan dapat dilakukan seperti biasa termasuk pemindahan dana dan perkhidmatan dalam talian.

**8. Adakah deposit Pelanggan berjumlah sehingga RM250,000 masih mendapat perlindungan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?**

Ya, deposit Pelanggan akan tetap mendapat perlindungan PIDM setakat jumlah RM250,000.

**9. Dengan perubahan ini adakah Pelanggan akan dikenakan sebarang caj?**

Tidak, tiada sebarang caj dikenakan.

**10. Bagaimana jika Pelanggan tidak bersetuju dengan perubahan ini?**

Jika Pelanggan tidak bersetuju dengan perubahan ini, Pelanggan hendaklah pergi ke mana-mana cawangan HLISB/HLBB untuk menimbangkan pilihan-pilihan lain ataupun menutup akaun sebelum tarikh kuat kuasanya pada 25 Julai 2018.

**11. Siakah saya boleh hubungi untuk mendapat maklumat lanjut mengenai perubahan ini?**

Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui:

Telefon: Pusat Panggilan Hong Leong di 03-76268899

Laman Web: [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my)

Cawangan: Datang ke Hong Leong Islamic Bank atau Hong Leong Bank yang berdekatan.